

**BEBERAPA ASPEK PERBINCANGAN SEJARAH
DALAM MAJALAH PENGASUH SEKITAR TAHUN
80-AN**

Oleh:

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid *

Abstract

Numerous historical writings were written in ‘Pengasuh’ in the 1980s. This article discusses two historical aspects of ‘Pengasuh’ during that period which are the ulama’ (scholar) of Pengasuh and the history of mosque. With regard to the ulama’ of Pengasuh, Dato’ Haji Ismail Yusoff and Dato’ Muhammad bin Che Wook have been chosen as the focus of our discussion. Meanwhile, for the history of mosque section, Muhammadi Mosque in Kota Bharu and Wadi Husain mosque in Narathiwat, Thailand have been chosen as our focus.

Pendahuluan

Kelantan mempunyai sejarahnya yang tersendiri dalam bidang persuratan Islam dan penerbitan. Sejarah perkembangan persuratan Islam di Kelantan amat jelas sekali sama ada dalam bentuk sastera kitab dan sastera kreatif. Perkembangannya amat subur di sekitar abad

* En. Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid, M.Us, adalah pensyarah di Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

ke-19 dan 20.¹ Dari segi penerbitan pula, Kelantan di antara negeri Tanah Melayu yang giat menerbitkan buku, majalah dan akhbar. Antara tahun-tahun 1918 hingga 1941 Kelantan telah menerbitkan sebanyak 12 buah majalah buku dan beberapa kitab agama yang menjadi teks di segenap pelosok institusi pengajian pondok. Antara majalah yang telah diterbitkan itu 11 buah daripadanya diterbitkan di Kota Bharu dan satu di Pasir Puteh.²

Jika dilihat dari sudut penerbitan majalah yang bercorak agama terbitan Majlis Agama Islam Negeri, negeri Kelantan telah mendahului negeri-negari lain dalam penerbitan majalah dan buku-buku agama.³ Walaupun majalah yang bercorak Islam yang pertama diterbitkan di Singapura pada tahun 1906 oleh Syed Syeikh al-Hadi,⁴ namun keistimewaan yang terdapat pada penerbitan majalah bercorak agama keluaran MAIK ini mampu bertahan hingga ke hari ini sehingga usianya telah menjangkau lebih dari 80 tahun sejak wujudnya percetakan di MAIK.

Dengan kelahiran majalah Pengasuh sebagai medan dakwah baru, para ulama' dan intelejentsia Melayu Kelantan mula menumpukan usaha mereka dalam penulisan dan penerbitan. Dengan hasrat dan

¹ Abdul Razak Mahmud (2000), "Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Patani Sehingga Awal Abad Ke-20", (Kertas Kerja Untuk Bengkel Penulisan Prosa Islam, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Pada Julai 2000 di Perdana Resort, Kelantan), h.3.

² Alias Mohemad (t.t), *Inteligensia Melayu*, Kuala Lumpur: Insular Publishing House Sdn. Bhd., h. 46.

³ Penerbitan Pengasuh mendahului penerbitan pihak berkuasa agama Islam negeri lain sebagai contoh; *Warta Jabatan Agama Johor* (1939), *Suara Majlis Agama Islam Negeri Kedah* (1965), *al-Huda* (1968) di Seremban, *Sinar Usia* (1970) di Kinabalu, *Saujana* (1974) di Kuala Terengganu, *Menara* (1975) di Kuala Lumpur, *al-Ehsan* (1976) di Selangor dan *Suara Jabatan Agama Pahang* (1976) di Pahang.

⁴ Abdul Rahman Haji Ismail (2003), "Syed Sheikh al-Hadi: Penggerak Kebangkitan Melayu Abad ke-20", dalam Sohaimi Abdul Aziz, (ed), *Syed Sheikh al-Hadi; Cendekia Dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, h. 16.

kesungguhan dari kalangan mereka maka pada ketika itu Kelantan telah menerbitkan berbagai bentuk majalah dan surat khabar dari zaman sebelum dan selepas merdeka. Untuk melihat perkembangan penulisan dan penerbitan di Kelantan, ianya dapat ditinjau melalui empat peringkat. Peringkat pertama sekitar awal abad ke-20 hingga tahun 40-an. Dalam dekad ini penulisan dan penerbitan telah berkembang dengan pesatnya. Ini disebabkan semakin sedarnya orang Melayu terhadap politik dan penerbitan sebagai media yang mustahak dalam kehidupan.⁵ Majalah pertama yang diterbitkan ialah *Pengasuh* pada 11hb. Julai 1918, kemudiannya majalah *al-Kitab*, *al-Hidayah*, *Terok*, suratkhabar *Petra*, *al-Kamaliah*, *Kenchana*, *al-Hikmah*, *Sinaran Kelantan*, *al-Riwayat*, *Cherita Kelantan*⁶ dan sebagainya.

Peringkat kedua pula sekitar tahun 1941 hingga 1945, semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dipertengahan abad ke-20 dunia sebelah timur menyaksikan perperangan yang hebat antara Jepun dan Tentera Bersekutu. Keadaan ini mengakibatkan perkembangan penerbitan mengalami kemunduran. Banyak majalah yang aktif sebelum ini dihentikan penerbitannya termasuklah majalah Pengasuh. Dalam peringkat ketiga yang bermula setelah Jepun menyerah kalah pada 14hb. Ogos 1945 dan penempatan semula kerajaan British di Tanah Melayu, penerbitan akhbar dan majalah mula berkembang. Dalam dekad 50-an dan 60-an kegiatan penulisan telah berkembang pesat di Kelantan, dalam masa itu majalah Pengasuh telah diterbitkan kembali dan telah lahir beberapa majalah lain antaranya majalah *Penyedar*⁷

⁵ Drs. A.M. Iskandar Haji Ahmad (1980), *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Cet. 1, Edisi Kedua, h.1.

⁶ *Ibid.* h. 5-38.

⁷ Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada Julai 1946 di bawah pimpinan Datuk Asri Haji Muda, ianya ditulis dengan tulisan Jawi. Diterbitkan dalam bentuk dwi-bulanan dan merupakan lidah rasmi Badan Penyiarian Jabatan Susila Persekutuan Tanah Melayu.

dan *Dian*. Majalah *Dian* yang diterbitkan pada tahun 1961⁸ walaupun terkemudian dikatakan dapat menyainggi *Pengasuh* dari segi kandungan dan jualan. Setelah Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada 31hb. Ogos 1957 dunia penulisan dan penerbitan telah berkembang dengan pesatnya hingga ke hari ini.

Pengasuh Sebelum Dan Selepas Merdeka

Penerbitan majalah *Pengasuh* merupakan antara aktiviti awal penubuhan MAIK. Oleh kerana antara matlamat awal penubuhan MAIK ialah menterjemahkan kitab-kitab Arab (agama) ke dalam bahasa Melayu⁹ di samping beberapa tujuan lain yang turut disenaraikan, maka MAIK berusaha untuk mewujudkan percetakan sendiri. Untuk merealisasikan hasrat tersebut pada tahun 1917 sebuah mesin cetak telah dibeli dengan harga RM 1,000.00¹⁰ dan kemudiannya pada tahun 1919 sebuah lagi mesin cetak telah dibeli dengan harga RM 3,135.82 bagi menampung kerja-kerja percetakan yang semakin bertambah.¹¹

Dengan mempunyai percetakan sendiri, MAIK telah menerbitkan sebuah majalah yang diberi nama *Pengasuh*. Majalah ini merupakan lidah rasmi MAIK yang diterbitkan pada hari Khamis 1hb. Syawal

⁸ Diterbitkan di Kota Bharu, Kelantan pada 17hb. Julai 1961 oleh Percetakan *Dian*, Pengarangnya Dato' Yusoff Zaky Ya'acob (1961-1968) dan Drs. Abdul Rahman (1967-?). Ditulis dalam dua versi iaitu Jawi dan Rumi. Majalah ini mengandungi perkara ilmiah, keagamaan dan pengetahuan umum.

⁹ Penyata Tahunan MAIK Tahun 1918, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 2.

¹⁰ Penyata Tahunan MAIK Tahun 1917, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 17.

¹¹ Abdul Razak Mahmud (1993), "Beberapa Catatan Tentang *Pengasuh* 1918-1988", *Pengasuh*, bil. 493, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1988, h. 17.

1336 bersamaan 11hb. Julai 1918. Kemunculan Pengasuh dalam arena persuratan tanahair amat tepat dan berkebetulan dengan keadaan di mana seluruh dunia Islam sedang memperkatakan tentang pendekatan dakwah Islamiah dalam bentuk yang lebih modenis-reformis.

Di sepanjang usianya yang relatif panjang itu, Pengasuh telah dipimpin oleh ramai tokoh ulama' dan intelektual Melayu. Terdapat sederetan nama besar yang tidak asing ketokohan mereka dalam dunia persuratan tanah air dan ilmuan Islam yang mengisi ruang-ruang tulisan dalam majalah Pengasuh. Nama-nama besar seperti Haji Muhamad Yusof Awang Kenali (1918-1919), Dato' Laksamana Haji Muhamad bin Tok Khatib (1919-1933), Dato' Haji Ahmad Maher (1933-1935), Encik Ahmad Adnan Ariffin (1946-1957), Hassan bin Haji Muhamad (1957-1961), Dato' Haji Ismail bin Yusoff (1964-1965), Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris (1967-1971), Dato' Yusuff Zaky bin Yacob (1975-1995)¹² adalah gandingan antara tokoh ulama' dan intelektual Melayu yang telah menjayakan penerbitan Pengasuh dalam merentangi berbagai cabaran dalam era sebelum dan selepas merdeka.

Dari keluaran sulong lagi telah menampakkan bahawa Pengasuh bukanlah hanya sebuah majalah agama tetapi isi kandungannya sungguh luas selain bersifat agama, ianya merangkumi pengetahuan am, sejarah, hukum-hakam Islam, tata negara, ilmu politik, ilmu ekonomi, psikologi, ruangan bahasa Melayu, bahasa Arab dan ruangan soal jawab serta berita dari dalam dan luar negara.¹³

Sebenarnya dari penerbitan Pengasuh itu MAIK tidaklah tertumpu kepada tujuan perniagaan dan mendapat keuntungan. Hasrat MAIK yang sebenarnya ialah ingin menjadikan Pengasuh sebagai lidah rasmi

¹² Abdul Razak Mahmud (1993), "Pengarang Pengasuh 1918-1993", *Pengasuh*, bil. 528, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai-Ogos 1993, h. 31-43.

¹³ Manzaidi Mohd Amin (2001), "Sumbangan Pengasuh Tidak Pernah Berubah", *Utusan Malaysia*, 19hb. Jun 2001.

dalam menyebarkan berita-berita mengenai aktiviti MAIK, pengajaran agama Islam, nasihat dan teguran kepada orang ramai. Oleh yang demikian, MAIK amat berbangga kerana Pengasuh dapat dilangsungkan penerbitannya walaupun menghadapi berbagai masalah terutama kerugian dari segi kos penerbitan dan penyelenggaraan.¹⁴ Kesungguhan MAIK menerbitkan Pengasuh sebagai salah satu medium dakwah dan sumbangannya terhadap pembangunan umat Islam dapat dilihat pada slogan-slogan yang digunakan pada setiap keluaran, seperti (1) “Semenanjung Tanah Melayu Untuk Anak Melayu”,¹⁵ (2) “Mengandungi Seruan Agama Islam, Pelajaran, Didikan, Iqtisad dan Pengetahuan Am”,¹⁶ (3) “Majalah Agama, Pendidikan dan Pengetahuan Am”,¹⁷ (4) “Majalah Bulanan Dakwah dan Kebudayaan Islam”,¹⁸ dan yang terakhir (5) “Majalah Bulanan Dakwah Dan Hadarah Islamiah”.¹⁹

Dalam tahun-tahun sebelum merdeka, aspek dan penumpuan Pengasuh sama seperti majalah-majalah Melayu lain yang amat lantang menyuarakan gerakan kebangkitan nasionalis Melayu menentang penjajahan dan menyeru umat Melayu agar membuka minda dan merubah kehidupan mereka sesuai dengan keperluan semasa dengan bangkit membina negara dan mengembalikan maruah bangsa. Rencana pengarang Pengasuh bil. 263, tahun 1954 dapat memberi gambaran yang jelas mengenai inspirasi perjuangan Pengasuh dalam dekad-dekad sebelum merdeka.

¹⁴ Dato' Haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *Penyata Tahunan MAIK Tahun 1964*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 20. Dokumen tersimpan di Perpustakaan Islam MAIK dengan no. 93/01635.

¹⁵ Slogan pertama ini digunakan pada keluaran September 1930, bil 303.

¹⁶ Slogan ini digunakan setelah Pengasuh diterbitkan selepas perang dunia II pada bulan Ogos 1948, bil.177.

¹⁷ Motto ini digunakan Pengasuh terbitan bulan Oktober 1964, bil.338.

¹⁸ Motto ini digunakan setelah Pengasuh berada di bawah pimpinan Dato' Yusoff Zaky pada keluaran Februari 1975, bil 403

¹⁹ Pertukaran terakhir ini pada keluaran bulan Januari 1986, bil. 481.

“... tuanlah pemegang amanah yang menyandang gelaran warasah al-Anbiya’ yang bertanggungjawab terhadap masyarakat Islam hari ini. Oleh itu cubalah tuan mengalih tumpuan dari medan surau yang gelap kelam itu ke arah medan yang lebih luas dan terang. Medan yang menghendaki suatu aliran fikiran yang baharu dan maju, bukannya medan yang beku dan kaku yang sesuai dengan zaman unta”²⁰

Dalam tahun-tahun awal 50-an sebelum negara mendapat kemerdekaan, tumpuan Pengasuh dalam keluarannya mula menumpukan kepada aspek-aspek lain yang berbentuk usaha untuk mengisi kemerdekaan yang akan dicapai nanti dan memberi pengajaran kepada para pembaca mengenai ajaran agama Islam yang sebenar. Aspek utama yang diketengahkan oleh Pengasuh dalam dekad awal 50-an dan selepas merdeka ialah (1) pendidikan, (2) ekonomi kaum bumiputra, (3) kebudayaan, sejarah dan politik, (4) dan keagamaan.²¹

Di samping aspek-aspek utama yang dinyatakan di atas masih terdapat beberapa aspek lain yang sering diketengahkan oleh Pengasuh seperti mempelajari bahasa Arab dan kesusasteraan Melayu, berita semasa umat Islam tempatan dan antarabangsa serta rencana kreatif. Namun ianya tidaklah begitu serius dibincangkan seperti empat aspek utama di atas. Tumpuan utama kepada aspek pendidikan bangsa dan pembangunan ekonomi bangsa Melayu yang menjadi tumpuan utama Pengasuh adalah amat sesuai kerana pada tahun 50-an dan selepas merdeka bangsa Melayu masih ketinggalan dalam kedua-dua bidang tersebut berbanding kaum lain.

²⁰ Sidang Pengarang (1954), *Pengasuh*, bil. 263, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1954, h.3.

²¹ Nawawi Muhammad (1981), “Mengingati detik-detik Perjalanan Pengasuh Sekitar Tahun-tahun Merdeka”, *Pengasuh*, bil.460, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, April-Mei-Jun 1981, h.49.

Diperlakukan hasil dari teguran dan pandangan Pengasuh mengenai betapa pentingnya pendidikan umat Islam di tanah air maka pada tahun 1956 telah diadakan perjumpaan ulama' se-Malaya di Batu 16, Sg. Sumon, Hutan Melintang, Perak bagi membincangkan perkembangan pendidikan Islam dan cabaran semasa. Beberapa saran dan persetujuan telah dicapai dalam perjumpaan tersebut untuk memastikan agama Islam dan pendidikan Islam terus mendapat tempat dalam mengisi ruang kemerdekaan tanah air.²²

Pengasuh Dalam Tahun-tahun 80-an

Setelah perjuangan umat Islam melepassi peringkat kedua dengan berjaya membebaskan tanah air dari cengkaman penjajahan Barat sekitar dekad 50-an hingga 70-an.²³ Maka dalam dekad 80-an, umat Islam telah mula memasuki era baru perjuangan mereka iaitu mengisi ruang-ruang kemerdekaan dalam pembentukan corak pemikiran anak bangsa. Di samping mengisi agenda bangsa, umat Islam juga terpaksa berjuang terus dalam mencari identiti bangsa dengan menentang ideologi hegemoni kapitalis Barat dan komunis Timur yang cuba mengelirukan umat Islam dari menghayati kemurnian akidah Islam. Kebagkitan ini adalah usaha menyeluruh umat Islam untuk menjadikan Islam sebagai dasar dan panduan hidup sehingga Islam dapat diletakkan di tempatnya yang sebenar.²⁴

Dalam dekad ini, pergerakan umat Islam seluruh dunia menyaksikan kebangkitan menyeluruh sama ada di negara-negara Asia Barat atau sebelah Asia Tenggara. Umat Islam di awal dekad 80-an

²² Sidang Pengarang (1956), *Pengasuh*, bil. 290, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September 1956, h.3.

²³ Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah (1985), "Kebangkitan Islam", *Pengasuh*, bil. 477, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Februari-Mac 1985, h.19. (kini profesor di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, APIUM)

²⁴ *Ibid*, h.20.

telah dikejutkan dengan kemenangan revolusi Islam di Iran. Dan di tanah air pula kebangkitan gerakan Islam amat terserlah dengan ramainya para graduan agama sama ada dari lulusan universiti al-Azhar dan Timur Tengah telah berkecimpung dalam gerakan Islam secara aktif. Di samping itu juga sumbangan besar graduan luar dan dalam negara dalam gerakan Islam di tanah air telah menjadikan gerakan kebangkitan Islam di tanah air amat rancak sekali. Pergerakan ABIM, JIM, al-Arqam, PAS, jamaah Tabligh dan gerakan dakwah lain dalam dekad 80-an berada pada kemuncak kebangkitan.

Pelbagai aliran pemikiran Islam dari tradisional, modenis, radikal, wahabiah hingga kepada gerakan politik Islam telah berkembang pesat sekitar dekad ini. Kemenangan Mujahidin Afghan di Afganistan dalam menentang pencerobohan Soviet Union ke atas tanah air mereka telah merancakkan lagi semangat kebangkitan umat Islam di tanah air. Dalam suasana dan latar belakang perkembangan Islam inilah tinjauan artikel ini akan melihat apakah aspek-aspek utama yang diketengahkan oleh Pengasuh dalam dekad 80-an.

Di samping suasana perkembangan umat Islam semasa yang menjadi latar belakang penerbitan Pengasuh dalam tahun-tahun 80-an perlu juga diketengahkan latar belakang sidang pengarang Pengasuh yang menentukan corak dan gaya pemikiran majalah tersebut. Sepanjang pertengahan tahun 70-an hingga pertengahan 90-an, Pengasuh dipimpin oleh Dato' Yusoff Zaky dengan dibantu oleh beberapa pembantu antaranya Encik Khairul Khatib, Ismail Awang, Ustaz Haji Hassan Idris, Ustaz Muhammad Uthman el-Muhammadi dan Encik Abdullah Yusuf.²⁵ Dengan perlantikan Dato' Yusoff Zaky sebagai Ketua Pengarang Pengasuh baru mengantikan Drs. Abdul Ghani Haji Azmi pada tahun 1975 menjadikan Pengasuh lebih menarik dari segi kandungan dan topik-topik perbincangannya.

²⁵ Abdul Razak Mahmud (1993), "Pengarang Pengasuh 1918-1993", *Pengasuh*, bil. 528, *op.cit*, h. 41-42.

Oleh kerana tulisan ini meninjau keluaran Pengasuh dalam tahun-tahun 80-an yang pastinya mengandungi berbagai topik dan fokus yang cuba diketengahkan oleh Sidang Pengarangnya maka tumpuan khusus dari tulisan ini hanyalah pada aspek sejarah yang dibincangkan dalam Pengasuh sepanjang tahun 80-an.

Beberapa Aspek Perbincangan Sejarah Dalam Pengasuh

Secara umumnya tumpuan Pengasuh dalam dekad 80-an tidak banyak berbeza dengan tumpuan Pengasuh dalam dekad 70-an. Perbincangannya masih berlebaran sekitar isu-isu keagamaan, kebudayaan, sejarah, kesusasteraan dan berita perkembangan umat Islam dalam dan luar negara terutama berita mengenai kegiatan MAIK dan kerajaan Kelantan yang bercorak keagamaan. Untuk mendapatkan gambaran yang sebenar mengenai tumpuan penulisan ini maka saya telah memilih sebanyak 75 % dari majalah Pengasuh yang diterbitkan sepanjang tahun-tahun 80-an. Dari tahun 1980 – 1989 Pengasuh telah diterbitkan sebanyak 54 keluaran bermula dari keluaran bil. 448 Januari 1980 hingga keluaran bil. 501 November 1989.

Pemilihan dan analisa terhadap aspek sejarah yang diperbincangkan oleh Pengasuh dalam tulisan ini berasaskan kepada kekerapan keluaran dan perbincangannya dalam setiap keluaran Pengasuh sepanjang dekad 80-an. Ini kerana sesuatu yang penting dan menarik untuk didedahkan kepada para pembaca Pengasuh yang terdiri dari pelbagai golongan di seluruh negara akan menjadi fokus utama sidang pengarangnya dan di samping itu juga penulis-penulis Pengasuh bukanlah terdiri dari penulis tetap yang membincangkan aspek-aspek sejarah. Nama-nama besar dari kalangan ulama' dan para cendekiawan Melayu Kelantan dan luar Kelantan turut menyumbang penulisan dalam berbagai aspek termasuklah aspek sejarah.

Tokoh Ulama' Pengasuh

Setelah Pengasuh dipimpin Oleh Dato' Yusoff Zaky beberapa pembaharuan mula diperkenalkan pada keluaran Pengasuh bermula dari sidang editor hingga ke isi kandungan dan aspek perbincangan yang digubal bagi menjadikan Pengasuh sebagai sebuah majalah yang menarik dan berilmu pengetahuan. Antara aspek utama yang diberi penekanan dalam keluaran Pengasuh sepanjang di bawah kepimpinan beliau ialah ruangan "Tokoh Ulama' Pengasuh". Boleh dikatakan hampir setiap keluaran, ruangan ini akan diisi oleh beberapa orang penulis bermula dengan beliau sendiri dengan tulisan pertama bertajuk "Tok Kenali Dalam Kenangan"²⁶ kemudian diteruskan pula oleh beberapa penulis lain seperti Ismail Awang, Ismail Che Daud, Ahmad Fathi al-Patani dan Wan Ahmad Shaghir Wan Abdullah.²⁷

Selain daripada tokoh-tokoh ulama' yang terdapat di negeri Kelantan, Kedah, Terengganu dan Patani yang disiarkan dalam ruangan ini terdapat juga tokoh ulama' silam yang dimuatkan sebagai rencana kulit majalah seperti (1) Syed Jamaluddin al-Afghani yang ditulis oleh Dr. Lutfi Ibrahim,²⁸ (2) Ibn Sina oleh Encik Abdullah Yusof,²⁹ (3) al-Mawardi oleh Mustafa bin Haji Daud,³⁰ (4) Syeikh al-Islam 'Izzuddin

²⁶ Yusoff Zaky Yaacub (1975), "Tok Kenali Dalam Kenangan", *Pengasuh*, Bil. 403, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Februari 1975, h. 15.

²⁷ Abdul Razak Mahmud (1990), "Siri Tokoh Ulama' Pengasuh", *Pengasuh*, Bil. 504, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jun 1990, h. 16.

²⁸ Dr. Lutfi Ibrahim (1980), "Pendapat Jamaluddin al-Afghani", *Pengasuh*, Bil. 448, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Januari 1980, h. 23-25.

²⁹ Abdullah Yusof (1980), "Ibn Sina", *Pengasuh*, Bil. 449, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Februari 1980, h. 20-24.

³⁰ Mustafa bin Haji Daud (1981), "al-Mawardi", *Pengasuh*, Bil. 459, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Februari – Mac 1981, h. 48.

‘Abd al-Salam oleh Maulana Abu al-Hassan ‘Ali al-Nadwi,³¹ (5) Khalifah ‘Umr Ibn al-Khatib oleh Abdul Kadir bin Haji Muhammad,³² dan dua tokoh ulama’ tasawuf (6) Ibrahim Adham yang ditulis oleh Abdul Razak Mahmud,³³ (7) al-Muhasibi oleh Dr. Abdul Hayei Abdul Shukor.³⁴

Di samping tokoh ulama’ silam terdapat juga sebuah rencana yang mengambarkan semangat perjuangan kaum wanita di zaman awal Islam. Tokoh wanita yang disiarkan ini ialah (8) Nasibah binti Ka’ab. Beliau adalah seorang sahabah yang gigih mengharungi perjuangan Islam di zaman hayat baginda s.a.w. Rencana ini ditulis oleh Zakaria bin Daud.³⁵

Siri Tokoh Ulama’ Pengasuh ini adalah bertujuan merakamkan sejarah dan sumbangan para ulama’ silam terutama ulama’ di Tanah Melayu untuk tatapan masyarakat dewasa ini.³⁶ Berkebetulan pada tahun-tahun sekitar penghujung 70-an dan 80-an negeri Kelantan telah

³¹ Maulānā Abū al-Hassan ‘Alī al-Nadwī (1981), “Syeikh al-Islam ‘Izzuddin ‘Abd al-Salām”, *Pengasuh*, Bil. 460, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, April - Jun 1981, h. 15

³² Abdul kadir bin Haji Muhammad (1983), ““Umar Ibn al-Khaṭāb dan Jasa-jasanya”, *Pengasuh*, Bil. 460, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Januari - Mac 1983, h. 46.

³³ Abdul Razak Mahmud (1989), “Ibrahim Adham”, *Pengasuh*, Bil. 500, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September – Oktober 1989, h. 21.

³⁴ Abdul Hayei Abdul Syukur (1980), “Al-Muhasibi”, *Pengasuh*, Bil. 457, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1980, h. 24

³⁵ Zakaria bin Daud (1982), “Nasibah binti Ka’ab”, *Pengasuh*, Bil. 468, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober – Disember 1982, h. 36.

³⁶ Abdul Razak Mahmud (1990), “Siri Tokoh Ulama’ Pengasuh”, *Pengasuh*, Bil. 504, *op.cit*, h. 45

menyaksikan kehilangan ramai para ulama' yang banyak menyumbang ke arah kebangkitan dan kesedaran umat Islam di kalangan rakyat negeri.

Pada awal 80-an sahaja seramai 15 orang guru agama di Kelantan yang telah meninggal dunia dengan didahului oleh Ustaz Muhammad bin Haji Harun, bekas Pengetua Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) pada 1hb. Januari 1980.³⁷ Kemudian diikuti oleh Tuan Haji Daud bin Awang Kecik, seorang tukang lagu (Qari) yang terkenal di Kelantan pada 14hb. Januari. Di sepanjang tahun 1981, seramai 19 orang pula tokoh ulama' yang terkenal dalam pelbagai bidang ilmu agama telah meninggal dunia antaranya ialah Haji Awang bin Lebai Abdullah Kg. Kaabah, Pak Teh Haji Hassan Kg. Tembok, Haji Abdullah Haji Yaacob Kok Lanas, Pak Cik Haji Wan Mamat Kg. Paya Ular, Wan Nab binti Wan Abdul Rahman Paya Rambai dan ramai lagi.³⁸

Dalam tahun 1983, sekali lagi En. Ismail Che Daud cuba menyenaraikan tokoh ulama' Kelantan yang meninggal dunia pada tahun tersebut dalam keluaran Pengasuh 1990 bil. 507. Pada tahun ini seramai 21 orang ulama' Kelantan telah kembali ke rahmatullah dengan didahului oleh Pak Teh Haji (Haji Ismail bin Yaakub bin Yunus, bekas khatib satu masjid Langgar, Kota Bharu pada petang Sabtu, 1hb. Januari 1983. Kemudian diikuti pula Haji Hassan bin Haji Salleh atau lebih dikenali dengan gelaran Pak Teh Kemboja pada malam Khamis 16hb. Februari tahun yang sama ketika berusia 78 tahun.³⁹

³⁷ Ismail Che Daud (1982), "Guru-guru Agama Kelantan Yang Meninggal Dalam Tahun 1982", *Pengasuh*, Bil. 464, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jun 1982, h. 6 – 9.

³⁸ Ismail Che Daud (1988), "Guru-guru Agama Kelantan Yang Meninggal Dunia Di Sepanjang Tahun 1981", *Pengasuh*, Bil. 491, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Januari – Mac 1988, h. 36

³⁹ Ismail Che Daud (1990), "Guru Agama Kelantan Yang Meninggal Dunia Pada Tahun 1983", *Pengasuh*, Bil. 507, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat

Pada tahun 1987-1988 Kelantan sekali lagi negeri Kelantan menangisi akan pemergian empat orang tokoh ulama' besar yang menjadi sumber rujukan masyarakat dan kerajaan, mereka ialah Dato' Mufti Haji Muhd. Noor pada 13hb. Februari 1987 diikuti oleh Imam Tua Masjid Langgar, Haji Ismail bin Abdul Rahman pada 14hb November 1987. Tiga bulan selepas pemergian beliau telah disusuli oleh Tuan Guru Haji Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, Pondok Sungai Durian pada 21hb. Februari 1988 dan yang terakhir ialah tokoh yang banyak berjasa dalam perkembangan Islam di Kelantan iaitu Dato' Haji Ismail Yusoff pada 1hb. April 1988. Beliau adalah Mufti kerajaan negeri yang ke-9 dalam senarai Mufti-mufti Kerajaan Kelantan sejak Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman dilantik sebagai Mufti yang pertama.⁴⁰

Pemergian mereka yang begitu ramai dalam dekad 80-an ini menyedarkan kita kepada suatu hakikat yang telah digambarkan oleh baginda s.a.w dalam sebuah hadithnya yang berbunyi.

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبضُ الْعِلْمَ إِنْتَزاعًا مِّنَ الْعِبَادِ وَلَكِنْ
يَقْبضُ الْعِلْمَ بِقَبْضِ الْعُلَمَاءِ حَتَّىٰ إِذَا لَمْ يَقْبِضْ عَالَمٌ اخْتَدَّ النَّاسُ
رُؤْسَاءَ جَهَالًا فَسَأَلُوا فَاقْتُلُوا بِغَيْرِ عِلْمٍ فَضَلُّو وَأَضَلُّو.
(رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak akan mencabut ilmu pengetahuan dari hambanya dengan mencabut ilmu tersebut, tetapi dicabutnya ilmu itu dengan mematikan para

Melayu Kelantan, November - Disember 1990, h. 41- 46.

⁴⁰ Abdul Razak Mahmud (1988), "Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan", *Pengasuh*, Bil. 493, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1988, h. 5.

ulama' sehingga apabila mereka tidak ada lagi maka tampillah di tengah masyarakat itu pemimpin yang jahil. Mereka ditanya berbagai persoalan dan menjawab tanpa ilmu maka mereka sesat dan disesatkan oleh pemimpin yang tidak berilmu.

Inisiatif mewujudkan siri ini dalam Pengasuh juga adalah kerana belum terdapat suatu penulisan biografi tokoh ulama' Semenanjung Tanah Melayu secara menyeluruh dan kolektif disiarkan dalam mana-mana majalah pada masa itu. Dengan kesungguhan dan iltizam yang ditunjukkan oleh para penulis Pengasuh maka terkumpullah satu koleksi antologi biografi ulama' Nusantara seramai 40 orang tokoh bermula dari penerbitan awalnya pada Februari 1975 hingga 1987.⁴¹ Akhirnya koleksi biografi ulama' tersebut dibukukan menjadi dua buah buku yang diberi tajuk "Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu". Kedua-dua buku ini diselenggarakan oleh Ismail Che Daud. Edisi pertama buku (1) telah diterbitkan pada 1998⁴² manakala edisi pertama buku (2) pada 1996.⁴³

Tokoh pertama yang disiarkan dalam siri Pengasuh tahun 80-an ialah Tok Seridik (1881-1935). Rencana ini ditulis oleh Ismail Che Daud.⁴⁴ Antara kelainan penulisan tokoh ulama' yang cuba diketengahkan oleh Ismail Che Daud ialah menonjolkan tokoh-tokoh ulama' yang jarang dikenali oleh masyarakat Islam samada di Kelantan atau di luar Kelantan.⁴⁵ Nama Tok Seridik agak asing dan kurang

⁴¹ Ismail Che Daud (1996), *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (2)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h xi.

⁴² *Ibid.*

⁴³ Ismail Che Daud (2001), *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h.iv.

⁴⁴ Ismail Che Daud (1980), "Tok Seridik", *Pengasuh*, Bil. 449, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Februari 1980, h. 24.

⁴⁵ Abdul Razak Mahmud (1990), "Siri Tokoh Ulama' Pengasuh", *Pengasuh*, Bil. 504, *op.cit*, h. 46

diketahui ramai sedangkan beliau adalah seorang guru pondok yang seangkatan dengan Tok Selehong, Tok Padang Panjang, Tok Pulau Ubi, Tok Ayah Kedah dan ramai lagi tokoh ulama' terkemuka sekitar awal abad ke-20.

Sepanjang dekad 80-an terdapat seramai 11 orang tokoh ulama' telah disiarkan dalam siri ini oleh Pengasuh. Senarai tersebut bermula dengan (1) Tok Seridik, (2) Tok Beta,⁴⁶ (3) Tok Jerulung,⁴⁷ (4) Tok Perlis,⁴⁸ (5) Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani,⁴⁹ (6) Tuan Guru Haji Ghazali Pulai Chondong,⁵⁰ (7) Syeikh Daud al-Patani,⁵¹ (8) Dato' Haji Ismail Yusoff,⁵² (9) Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau,⁵³ (10)

⁴⁶ Ismail Che Daud (1980), "Tok Beta", *Pengasuh*, Bil. 453, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai 1980, h. 20.

⁴⁷ Ismail Che Daud (1980), "Tok Jerulung", *Pengasuh*, Bil. 455, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober 1980, h. 22.

⁴⁸ Ismail Che Daud (1980), "Tok Perlis", *Pengasuh*, Bil. 457, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Disember 1980, h. 40.

⁴⁹ Haji Ismail Awang (1983), "Haji Muhammad bin Ahmad al-Kelantani", *Pengasuh*, Bil. 473, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, November - Disember 1980, h. 44.

⁵⁰ Haji Ismail Awang (1985), "Tuan Guru Haji Ghazali Pulai Chondong", *Pengasuh*, Bil. 477, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Februari - Mac 1985, h. 47.

⁵¹ Muhammad Uthman el-Muhammadi (1987), "Syeikh Daud al-Fatani Sebagai Seorang Ulama'", *Pengasuh*, Bil. 485, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Januari - Mac 1987, h. 7. Terdapat juga tulisan mengenai tokoh ini yang ditulis oleh Ismail Che Daud (1988), "Syeikh Daud Patani (1847 - 1918)", *Pengasuh*, Bil. 493, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai - Ogos 1988, h. 27.

⁵² Abdul Razak Mahmud (1988), "Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan", *Pengasuh*, Bil. 493, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Julai - Ogos 1988, h. 5.

⁵³ Ismail Che Daud (1989), "Syeikh Ahmad Daud Minangkabau", *Pengasuh*, Bil. 497, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mac - April 1989, h. 44.

Haji Abdul Rahman Dala, Fatani,⁵⁴ dan (11) Dato' Haji Muhammad bin Che Wook.⁵⁵

Sebagai menghargai juga sumbangan penulis dan pembantu Ketua Pengarang Pengasuh yang telah banyak menyumbang tenaga dan fikiran di sebalik keluaran Pengasuh. Maka rakaman jasa dan riwayat hidup ringkas mengenai jasa-jasa mereka juga dipaparkan dalam Pengasuh bil. 500 tahun 1989.⁵⁶ catatan mengenai riwayat hidup dua tokoh penulis Kelantan ini ditulis oleh Abdul Razak Mahmud yang juga merupakan seorang pembantu pengarang Pengasuh dan kemudiannya dilantik menjadi Ketua Pengarang Pengasuh selepas kematian Dato' Yusoff Zaky. Tokoh yang pertama ialah Ustaz Ismail Awang dan keduanya ialah Encik Abdullah Yusuf. Kedua tokoh inilah yang banyak berjasa dalam penerbitan Pengasuh ketika di bawah pimpinan Dato' Yusoff Zaky dan sebelumnya.

Ustaz Ismail Awang dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada 1941. Beliau merupakan pelajar lepasan Maahad Muhammadi pada tahun 1963. Kemudian daripada itu beliau telah dilantik sebagai guru, dan pada tahun 1967 beliau dilantik sebagai Pengawa Daerah Kemumin, Kota Bharu sebelum berkhidmat sebagai Pengelola Am di Pejabat Majlis Ugama Islam Kelantan pada Disember 1977.⁵⁷ Sekitar akhir tahun 60-an dan awal 70-an merupakan era perkembangan sastera Melayu di tanah air. Dalam tempoh itulah Ustaz Ismail Awang banyak

⁵⁴ Ahmad Fathi al-Patani (1989), "Haji Abdul Rahman Dala, Fatani", *Pengasuh*, Bil. 498, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei – Jun 1988, h. 36.

⁵⁵ Abdul Razak Mahmud (1989), "Berkenalan Dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Kelantan", *Pengasuh*, Bil. 498, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Mei – Jun 1988, h. 5

⁵⁶ Abdul Razak Mahmud (1989), "Dua Catatan Kematian", *Pengasuh*, Bil. 500, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, September - Oktober 1989, h. 9

⁵⁷ *Ibid*, h.10.

berkecimpung dalam penulisan terutama dalam Pengasuh. Beliau dilantik sebagai salah seorang anggota Sidang Pengarang Pengasuh bersama dengan Ustaz Khairul Khatib semasa beliau masih memegang jawatan Penggawa di Wakaf Baru.

Antara jasa besar yang telah beliau sumbangkan kepada majalah Pengasuh ialah penulisan dan penyelidikan beliau terhadap tokoh ulama' di Nusantara. Seramai 40 orang tokoh ulama' telah dikaji dan ditulis biografi mereka dalam Pengasuh selama beliau memegang jawatan Sidang Pengarang Pengasuh. Selain menulis dalam majalah Pengasuh beliau juga giat menulis dalam berbagai majalah antaranya Warta Jabatan Agama Johor, Utusan Qiblah dan juga menghasilkan beberapa buku teks sekolah rendah dan menengah.⁵⁸

Encik Abdul Razak Mahmud telah menyenaraikan sebanyak 9 buah buku yang telah dihasilkan oleh beliau antaranya "Pusaka Pujangga" yang dicetak oleh Percetakan al-Ahliyyah, Kota Bharu pada tahun 1963 dan yang terakhir berjudul "Secebis Kenangan Hidup Ku" pada tahun 1987.⁵⁹ Terdapat juga dua buah karya terjemahan yang diusahakan bersama dengan isterinya Ustazah Fatimah Ali.⁶⁰ Beliau telah meninggal dunia pada pagi Khamis 6hb. Julai 1989. 50 hari selepas kematian beliau, iaitu pada 26hb. Ogos tahun yang sama al-Marhum En. Abdullah Yusuf yang merupakan sahabat dan kenalan baik beliau juga pergi meninggalkan kita di Hospital Besar Kota Bharu kerana diserang sakit jantung.

⁵⁸ Ibid, h. 12-13.

⁵⁹ Buku-buku karangan beliau (1) Pusaka Pujangga, (2) Bimbingan Sembahyang, (3) Adat Orang Melayu Yang Bertentangan Dengan Islam, (4) Zulkifli Muhammad: Sejarah Dan Karyanya, (5) Panduan Sembahyang Jenazah, (6) Mengenal Iman Menurut al-Quran Dan al-Sunnah, (7) Pengajian Dan Tafsir al-Quran, (8) Feqh Lima Mazhab, (9) Secebis Kenangan Hidup Ku.

⁶⁰ Ibid.

Pemilihan tokoh ulama dalam siri ini berasaskan kepada kecenderungan penulis rencana tersebut. Misalnya Encik Ismail Che Daud lebih cenderung menulis mengenai tokoh ulama' yang kurang dikenali ramai dengan harapan melalui penulisan biografi mereka dapatlah diketengahkan nama-nama ulama' tersebut agar dapat dikenali seperti Tok Seridik, Tok Beta, dan Tok Jerulung. Selain dari itu penulisan biografi ulama' ini juga mengambil sempena kematian atau perlantikan seseorang tokoh berkenaan seperti biografi dua orang bekas mufti kerajaan negeri Kelantan iaitu Dato' Ismail Yusoff dan Dato' Muhammad bin Che Wook.

Kedua-dua tokoh ulama' ini selain telah berjasa kepada rakyat dan kerajaan negeri Kelantan sebagai mufti dan juga kadhi mereka juga banyak menabur jasa dalam pelbagai bidang kemasyarakatan dan pembangunan Islam terutama dalam bidang pendidikan sehingga jasa mereka dapat dirasai oleh sebahagian besar umat Islam khususnya di negeri Kelantan. Biografi kedua-dua tokoh ulama' ini telah ditulis oleh seorang sejarawan Kelantan yang begitu lama berkecimpung dalam bidang persuratan Islam terutama mengenai tokoh-tokoh ulama dan sejarah perkembangan Islam di Kelantan. Beliau juga lama berkhidmat dengan MAIK dan telah mula berjinak dengan Pengasuh sejak di bangku sekolah menengah lagi dalam tahun-tahun 60-an. Beliau yang dimaksudkan ialah encik Abdul Razak Mahmud. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau sepanjang berkhidmat dengan MAIK ialah pegawai penerbitan yang sekaligus bertanggungjawab menguruskan penerbitan majalah Pengasuh.

i. Dato' Haji Ismail Yusoff

Tulisan mengenai Dato' Haji Ismail Yusoff ditulis oleh beliau dalam Pengasuh keluaran Julai-Ogos 1988, bil. 493. Nama penuhnya ialah Haji Ismail bin Haji Yusoff bin Mat Diah. Bagi masyarakat Kelantan beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Peti Haji Wea.

Dato' Haji Ismail telah dilahirkan pada tahun 1915 bersamaan 1333 H di sebuah kampung yang bernama Kg. Gong Kemuning dalam jajahan Pasir Puteh.⁶¹ Beliau merupakan anak sulung dari empat orang adik beradik sebu seberapa. Mereka ialah Haji Ismail, Halimah, Haji Muhamad Nor (imam masjid Bkt. Yong, Pasir Puteh).⁶² dan Zawiah. Setelah kematian ibunya, ayahanda beliau telah mengahwini seorang wanita dari Kg. Canggal, Gaal, Pasir Puteh. Ibu tirinya bernama Mariam binti Salleh.⁶³ Hasil dari perkahwinan tersebut, almarhum mendapat dua orang adik iaitu Muhamad Sahimi dan Nuruddin. Keluarga beliau adalah sebuah keluarga yang patuh dan taat kepada ajaran agama.⁶⁴

Ketika berusia 21 tahun, beliau telah menamatkan pengajian di pondok masjid Muhammadi. Setelah itu beliau dijodohkan dengan Hajjah Che Hawa binti Che Muhamad dari Kg. Sireh, Kota Bharu. Anak kepada seorang pegawai kerani di pejabat kewangan negeri. Walaupun dalam usia yang muda dan perkahwinan yang baru saja dilangsungkan, kerana cintakan ilmu Dato' Haji Ismail telah meninggalkan isterinya yang dikasihi untuk menyambung pelajaran di bawah naungan Kaabah.

⁶¹ Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *Biografi Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan dari Tahun 1979 hingga 1988*, Kota Bharu : Yayasan Islam Kelantan, h. 99.

⁶² Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid (2002), "Dato' Haji Ismail Yusuff: Sumbangannya Terhadap Perkembangan Islam di Kelantan", (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 65.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *op.cit*, h. 99 – 100.

Pada ketika itu isterinya sedang mengandung anak sulung beliau yang diberi nama Muhammad Hilmi.

Hasil dari perkahwinan itu beliau telah dianugerahkan tiga orang cahaya mata seorang putera dan dua orang puteri. Anak sulungnya bernama Muhammad Hilmi, bekas seorang guru besar sekolah kebangsaan. Anak keduanya bernama Paizah, yang juga merupakan isteri kepada anak muridnya Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid. Dan anak bongsunya bernama Hasniah.

Setelah menamatkan pengajian di Sekolah Melayu Bukit Awang, beliau sering berulang alik ke rumah Haji Abdul Samad (suami emak saudaranya) untuk belajar membaca al-Quran buat kali keduanya (*Berbalik*). Seawal umur 13 tahun beliau telah meninggalkan keluarga untuk belajar di pondok Tuan Guru Haji Muhamad bin Haji Umar, Gong Kemudu, Pasir Puteh.⁶⁵ Di sana beliau belajar beberapa mata pelajaran asas dalam sistem pengajian pondok seperti *Nahu Dammun Raf'un*, *Mukhtasar Jiddan*, *Mutammimah* dengan menghafal matan-matannya dan beberapa kitab jawi antaranya *Furu' al-Masail*.⁶⁶

Pada tahun 1929 beliau merantau ke Kg. Kenali, Kubang Kerian untuk belajar di pondok Tok Kenali. Beliau begitu tekun mengikuti halaqah pengajian dan amat berminat untuk mempelajari segala ilmu yang dimiliki oleh gurunya. Pernah pada suatu ketika beliau tinggal di pondok walaupun di musim cuti kerana ingin mengikuti pengajian ilmu '*Arud* dan *Qafiah* yang akan diajar oleh Tok kenali dua minggu sebelum bulan Ramadhan.⁶⁷

⁶⁵ Iaitu abang kepada Tuan Guru Haji Daud Bukit Abal. Beliau juga dikenali dengan nama Haji Ahmad Limbat atau Haji Mat Gutong. Meninggal dunia pada 21hb. Jun 1971 ketika berusia 83 tahun.

⁶⁶ Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *op.cit*, h. 100.

⁶⁷ *Ibid*, h. 115.

Masjid Muhammadi dalam era sebelum merdeka merupakan sebuah pusat pengajian ilmu Islam yang tertinggi di Kelantan. Kemuncak pengajian pondok di Kelantan akan berakhir di situ sebelum pelajar menyambung pengajiannya ke Mekah. Dato' Haji Ismail pada tahun 1930 telah berpindah ke Masjid Muhammadi untuk mengikuti pengajian di sana. Beliau telah dididik oleh tokoh ulama' yang terkenal pada masa itu. Antara gurunya Tok Kenali, Haji Wan Musa bin Haji Wan Abdul Samad, Haji Ahmad Manan (1884-1938), Haji Umar Nuruddin (1867-19460), Haji Saad Kangkung (1886-1943), Haji Yaakub Legor (1892-1971), Haji Ismail Pontianak (1876-1946), Haji Abdullah Tahir (1897-1961), Haji Ali Solahuddin Awang Pulai Pisang (1899-1968), Haji Ahmad Maher (1905-1968), Haji Yaakob Gajah Mati (1895-19578), Tuan Guru Haji Yaakub bin Hai Ahmad dan Tuan Guru Haji Ahmad al-Hafiz.⁶⁸

Semasa belajar di Masjid al-Haram beliau sempat berguru dengan beberapa orang ulama' terkemuka, mereka ialah Syeikh 'Ali al-Maliki, Syeikh Hasan Muhammad al-Mashhat, Syed Amin al-Katabi, Syed Alwi Syed Abbas al- Maliki, Syeikh Muhammad al-'Arabi, Syeikh Abdul Rahman bin Syeikh Muhammad al-Khatib al-Melebari, Syeikh Ibrahim al-Patani, Syeikh Sulaiman Ambon, Syeikh Hassan al-Yamani, Syeikh Haji Noh al-Kelantani dan Syeikh Husin al-Palembangi.⁶⁹

Dato' Haji Ismail memulakan kerjaya sebagai guru agama setelah pulang ke tanahair pada tahun 1947 dengan membuka pondok di Kg. Sireh, Kota Bharu. Dua tahun kemudian dilantik sebagai guru agama di Jamie' Merbau al-Isma'ili. Di samping mengajar di sekolah beliau juga dilantik sebagai tenaga pengajar di masjid Muahmmadi, Kota Bharu. Setelah berbakti selama 20 tahun dalam bidang pendidikan beliau beralih mencurahkan bakti dalam bidang pentadbiran agama.

⁶⁸ Abdul Razak Muhamud (1987), "Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867-1987)", *Pengasuh*, bil. 490, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1987, h. 21.

⁶⁹ Muhamad Yunan bin Haji Mahmud (1988), *op.cit*, h. 103 - 104.

Dengan permulaan sebagai Qadhi Jajahan Kota Bharu pada 1hb. Mei 1969 beliau memulakan kerjaya sebagai pegawai pentadbir agama setelah itu bertukar ke Pejabat Mufti Kerajaan Negeri sebagai setiausaha Mufti. Pada tahun 1979 beliau dilantik sebagai Timbalan Mufti setalah jawatan itu diwujudkan buat pertama kalinya. Lapan tahun berkhidmat bersama Dato' Mufti Haji Muhammad Noor sebagai timbalannya sehingga pada 1hb. April 1987 telah dilantik oleh baginda Sultan Ismail sebagai Mufti kerajaan negeri yang ke-10 mengantikan Dato' Haji Muhd. Noor yang telah meninggal dunia.

Pada bulan Jun 1988, Dato' Haji Ismail telah mengetuai satu rombongan Majlis Agama Islam Kelantan ke Mekah. Setelah menjalankan tugas rasmi beliau dan rombongan sempat menuaikan ibadat umrah sebelum pulang ke tanah air. Untuk dijadikan sebab beliau pergi meninggalkan kita semua, lawatan itu telah mengganggu kesihatannya, dan keadaan itu bertambah teruk dari hari ke hari selama dua minggu.⁷⁰ Pada tengahari Sabtu 9hb. Julai 1988 Dato' Haji Ismail telah menghembus nafasnya yang terakhir di kediaman beliau di Kg. Sireh, Kota Bharu.

ii. Dato Haji Muhammad bin Che Wook

Dengan kematian Dato' Haji Ismail maka KDYM Tuanku al-Sultan Kelantan telah berkenan melantik Dato' Haji Muhammad bin Che Wook sebagai mufti kerajaan Kelantan yang ke-11 pada 1hb. Disember 1988.⁷¹ Perlantikan beliau merupakan perlantikan pertama seorang ahli akademik dilantik menjadi mufti kerajaan negeri. Sebelum perlantikan ke jawatan mufti beliau adalah dekan di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur semenjak tahun 1987.

⁷⁰ Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid (2002), *op.cit.h. 69.*

⁷¹ Abdul Razak Mahmud (1989), "Berkenalan Dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Kelantan", *op.cit, h.5.*

Nama penuh beliau ialah Mohammad Bin Che Wook Bin Haji Abdullah Bin Haji Daud Bin Lebai Mamat Bin Imam Dahdi dilahirkan di Kampung Kubang Bunut, Kubang Gadung, Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1936. Beliau dibesarkan dalam sebuah keluarga petani yang sangat sederhana tetapi cintakan ilmu pengetahuan dan patuh kepada ajaran agama.⁷²

Dato' Mohamad Bin Che Wook dilahirkan dalam keluarga yang berpendidikan agama, justeru itu sejak kecil lagi beliau diasuh dan dididik dengan pendidikan agama. Beliau dihantar belajar al-Qur'an dengan Tuan Guru Haji Wan Mahmood Bin Wan Abdullah iaitu seorang guru al-Qur'an yang terkenal di Kampung Kasar, Pasir Mas.⁷³ Kemudian beliau mendapat pendidikan formal di Madrasah Ahmadiah, Pasir Mas iaitu pada tahun 1943. Kata Dato' Haji Muhammad "...tidak ada sekolah Melayu pada waktu perang..." menceritakan kisah hidupnya kepada Encik Abdul Razak. Oleh kerana itulah beliau tidak bersekolah dalam tahun 1943 hingga pada tahun 1950, beliau menyambung pengajiannya di Jamie' Merbau al-Ismaili, Kota Bharu dan tamat Darjah Sembilan iaitu darjah tertinggi di situ pada tahun 1953.⁷⁴

Semasa belajar di Kota Bharu, beliau sempat berguru dengan beberapa orang tokoh terkemuka pendidikan Islam di Kelantan pada waktu itu seperti Haji Mohammad Noor Ibrahim dan Haji Ismail Yusuf (kedua-duanya selepas itu dilantik menjadi Mufti Kelantan), Haji Wan Abdul Rahman Bin Wan Daud al-Makki, Haji Nik Abdul Rahman Bin

⁷² Alias Haji Mohd Noor (2000), *Tokoh-Tokoh Ulamak Kelantan Darul Naim*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 87.

⁷³ Mohd Yunan Bin Mahmood (2000), *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan Dari Tahun 1979-2000*, Yayasan Islam Kelantan, h. 182. Lihat juga Ismail Che Daud (1994), "Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan", *Warisan Kelantan*, Bil. XIII, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 75.

⁷⁴ Abdul Razak Mahmud (1989), "Berkenalan Dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Kelantan", *loc.cit*

Haji Nik Abdullah Khatib, Haji Shuib Bin Haji Daud, Haji Abdul Hamid Bin Taib, Haji Wan Mahmood Daud al-Makki, Haji Muhammad Yusoff Ta' dan lain-lain lagi. Beliau menceritakan lagi pengalaman hidupnya kepada En. Abdul Razak dengan katanya "Saya belajar kitab *al-Qawl al-Mufid* dengan Syeikh Noor (Haji Mohammad Noor Ibrahim) di Jamie'. Kitab ini sangat mempengaruhi saya dan menyebabkan saya berminat kepada ilmu falsafah dan logik".⁷⁵

Apabila Kolej Islam Malaya ditubuhkan pada tahun 1954, Dato' Mohammad Bin Che Wook memohon untuk menyambung pengajiannya di sana. Permohonannya diterima kerana dalam ujian yang diadakan beliau mendapat tempat pertama. Beliau merupakan pelajar generasi pertama Kolej Islam Malaya. Semasa belajar di Kolej Islam Malaya, segala pembelaianya ditanggung oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan beliau merupakan pelajar pertama diberi basiswa oleh Majlis Agama Islam Kelantan untuk melanjut pelajaran di kolej itu.⁷⁶ Pada akhir tahun 1959, beliau berjaya memperolehi Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya. Beliau merupakan pelajar tunggal yang mampu menyiapkan tesis dalam Bahasa Arab. Tesisnya berjudul *al-Mu'tazilah wa Dawruhum fi Difa' Ani al-Aqidah al-Islamiyyah*.⁷⁷

Pada tahun 1963 beliau telah menamatkan pengajian peringkat sarjana di universiti al-Azhar dengan mendapat ijazah *al-'Alimiyyah ma'a al-Ijazah fi al-Qadha' al-Syar'ie*. Kebijaksanaan beliau amat terserlah semasa di Kolej Islam Malaya lagi, dan semasa di Mesir beliau telah menunjukkan kemampuannya sehingga dapat meraih berbagai anugerah dan pingat dari kerajaan Mesir yang disampaikan sendiri oleh Presiden Jamal Abdul Nasir dalam suatu majlis

⁷⁵ *Ibid*, h.6.

⁷⁶ Ismail Che Daud (1994), *op. cit.*, h. 74

⁷⁷ Abdul Razak Mahmud (1989), "Berkenalan Dengan Dato' Mufti Kerajaan Negeri Kelantan", *loc.cit*

‘Ilm’ anjuran Kementerian Pelajaran Mesir setelah lulus dengan cemerlang di peringkat sarjana. Setelah menamatkan pengajian di al-Azhar, beliau berhasrat untuk menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah di Universiti Oxford namun hasrat tersebut terpaksa ditunda kerana MAIK sebagai pihak yang menaja basiswa pengajiannya telah memanggil beliau pulang ke tanah air.⁷⁸

Hasrat yang berkobar-kobar untuk melihat universiti Islam wujud di tanah kelahirannya menyebabkan beliau menolak pelawaan Kolej Islam untuk menjadi pensyarah di sana. Beliau amat tertarik dengan rancangan Ustaz Abu Bakar Bin Hamzah, Dato’ Haji Mohd Asri dan Dato’ Haji Muhammad Bin Nasir untuk merancang serta membuat tindakan bagi membangunkan sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang dikenali dengan nama Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan. Sejak penglibatan beliau dengan YPTIK, beliau telah memegang beberapa jawatan penting bermula dari ahli jawatankuasa penaja, pensyarah pada tahun (1965), Dekan Fakulti Usuluddin dan Kemasyarakatan, Timbalan Pengetua dan akhirnya Pengetua YPTIK pada tahun 1982. Setelah YPTIK diserap ke dalam Universiti Malaya, beliau telah dilantik menjadi Dekan Fakulti Syariah, Akademi Islam pada tahun 1987.⁷⁹

Dato’ Haji Mohammad Bin Che Wook diserang penyakit jantung dan asma lalu dimasukkan ke Wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian pada 13 Jun 1990. Selepas lima hari berada di hospital, akhirnya pada jam 2.37 pagi hari Ahad 17 Jun 1990 beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir dalam usia 54 tahun. Jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Che Siti, Banggol, Kota Bharu.

⁷⁸ *Ibid*, h.6-7.

⁷⁹ *Ibid*.

Sejarah Masjid Di Nusantara

Perbincangan Pengasuh mengenai masjid, fungsi dan sejarahnya dimulai dengan sebuah rencana yang ditulis oleh Dr. Fuad Muhammad Fahkruddin dalam Pengasuh keluaran Oktober - Disember 1982, bil. 468. Rencana ini bertajuk "Fungsi Organisasi Masjid Dalam Pembinaan Umat".⁸⁰ Masjid merupakan binaan pertama yang didirikan oleh manusia sebagai tanda pengabdian mereka kepada Tuhan yang Maha Esa. Ianya telah dibina di suatu lembah yang penuh keberkatan dan menjadi lambang al-Huda (petunjuk) kepada manusia sejagat. Akhirnya lembah yang mulia itu dikenali dengan nama Makkah al-Mukarramah. Firman Allah s.w.t dalam surah al-'Imran, ayat 96.

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لِلَّذِي بِبَكَةَ مُبَارَّكًا وَهُدًى
لِلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

Sesungguhnya rumah ibadah yang pertama didirikan untuk manusia ialah baitullah di Mekah yang diberkati dan menjadi petunjuk kepada seluruh umat manusia.

(Terjemahan surah al-'Imran (3): Ayat 96.)

Menurut Dr. Fuad, tiga buah masjid yang terkenal dan suci dalam Islam menjadi tunggak kepada sejarah perkembangan masjid di seluruh dunia Islam. Pertama al-Masjid al-Haram al-Makki di Makkah al-Mukarramah yang dibina oleh Ibrahim a.s. dan putera sulungnya Ismail a.s. Kedua Masjid al-Aqsa di Bait al-Maqdis yang didirikan oleh putera kedua Ibrahim iaitu nabi Allah Ismail a.s. Dan yang ketiga ialah Masjid

⁸⁰ Dr. Fuad Muhammad Fakhruddin (1982), "Fungsi Organisasi Masjid Dalam Pembinaan Umat", *Pengasuh*, bil.468, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Oktober - Disember 1982, h. 7-11 & 50.

al-Nabawi di al-Madinah al-Munawwarah yang didirikan oleh baginda s.a.w dan umat Islam Madinah.⁸¹ Ketiga-tiga masjid ini merupakan masjid suci umat Islam dan digalakkan seluruh umat Islam mengunjungi dan mempertahankannya.

Selain dari ketiga masjid suci itu masjid-masjid lain yang terdapat di seluruh pelosok dunia juga merupakan rumah Allah yang didirikan di atas dasar taqwa kepadanya. Pembinaan masjid dalam masyarakat Islam adalah bertolak dari peranan dan risalah suci yang dibawa oleh masjid bukannya tertumpu kepada nilai estetika yang terdapat pada senibinanya sahaja. Dengan kata lain masjid merupakan lambang kesatuan umat dalam sesebuah masyarakat Islam dan menyebarluaskan risalah taqwa di kalangan ahli qariahnya. Oleh kerana itulah, pembinaan masjid yang lebih menumpukan kepada gambaran lahiriah dengan meminggirkan maksud utama pembinaannya dikatakan sebagai masjid yang membahayakan. Firman Allah dalam surah al-Taubah, ayat 107 dan 108.

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضَرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلِ وَلِيَحْلِفُنَّ إِنَّ أَرْدَنَا إِلَّا الْحُسْنَى وَاللَّهُ يَشْهُدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ * لَا تَقْعُمْ فِيهِ أَبَدًا الْمَسْجِدُ أَسْسُنَ عَلَى التَّقْوَى مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ *

⁸¹ Ibid, h.8

Maksudnya:

Dan (di antara orang-orang munafik juga ialah) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan (keselamatan orang Islam), dan menguatkan keingkaran mereka sendiri serta memecahbelahkan perpaduan orang-orang yang beriman dan juga untuk (dihadikan tempat) intipan bagi orang-orang yang telah memerangi Allah dan rasulNya sebelum itu. Dan mereka akan bersumpah dengan berkata : “Tidaklah dari yang kami kehendaki melainkan untuk kebaikan semata-mata”, padahal Allah menyaksikan bahawa sesungguhnya mereka adalah berdusta. Janganlah engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid yang telah didirikan di atas dasar taqwa sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Dalam masjid itu terdapat mereka yang suka membersihkan diri dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka.

(Terjemahan surah al-Taubah (9): Ayat 107 & 108)

Dalam sejarah Islam, masjid bukan sekadar tempat ibadah malah merupakan tempat pelbagai aktiviti masyarakat yang menjadi nadi kepada perkembangan Islam. Segala aktiviti masyarakat akan berkembang dan giat subur di sekitar masjid. Peranan masjid yang luas itu dilaksanakan juga oleh para ulama' Islam di sebelah sini termasuklah di Kelantan dan Patani. Antara masjid yang banyak berperanan dalam pembinaan intelektual masyarakat Melayu di sebelah Pantai Timur dalam abad yang ke-20 ini ialah Masjid Muhammadi, Kota Bharu.

i. Masjid Muhammadi, Kota Bharu

Sejarah perkembangan Masjid Muhammadi, Kota Bharu telah ditulis oleh Encik Abdul Razak Mahmud dalam Pengasuh keluaran Disember 1987, bil.490. Tulisan mengenai sejarah perkembangan masjid ini ditulis sempena perasmian bangunan tambahan masjid yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan, Tuanku Sultan Ismail Putra pada 9hb. November 1987.⁸²

Masjid Muhammadi, Kota Bharu dalam usia 138 tahun telah menyaksikan pelbagai catatan sejarah dan telah memberi sumbangan yang amat besar kepada perkembangan ilmu di kalangan rakyat Kelantan dan Malaysia secara umumnya. Mengikut catatan ahli sejarah Kelantan, masjid ini telah dibina pada tahun 1867⁸³ mengantikan bangunan lama yang roboh dilanda banjir besar. Dipercayai bangunan lama masjid ini telah dibina seawal zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1835).⁸⁴ Pada ketika itu masjid ini lebih dikenali dengan nama Masjid Besar Kota Bharu.

Sejarah Masjid Muhammadi dapat dibahagikan kepada tiga peringkat perkembangan. Dalam tahun-tahun akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 negeri Kelantan telah dikunjungi oleh ramai penuntut ilmu agama dari dalam dan luar untuk berguru dengan tokoh ulama' besar pada ketika itu seperti Tuan Tabal (1840-1891), Haji Wan Ali Kutan (1837-1912), Haji Abdul Malik Hassan (1813-1928), Tuan Padang dan ramai lagi. Tahun-tahun ini adalah merupakan peringkat pertama perkembangan Masjid Muhammadi. Peringkat kedua ialah dengan

⁸² Abdul Razak Muhamud (1987), "Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867-1987)", *Pengasuh*, bil. 490, *op.cit*, h. 19.

⁸³ *Ibid.* Lihat juga Asaad Shukri Haji Muda (1971), *Detik-detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, h. 87.

⁸⁴ Nik Muhammad bin Nik Muhd. Salleh (1985), "Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam Di Negeri Kelantan", *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu: Perbadanan Musium Negeri Kelantan, h. 98.

tertubuhnya MAIK pada 1915 yang menjadi pihak bertanggungjawab mengurus dan mentadbir perjalanan Masjid Muhammadi.

Sebelum pentadbiran Masjid Muhammadi diletakkan di bawah MAIK, pengajian agama di masjid ini dilakukan secara tradisional seperti di pondok-pondok sekitar Kota Bharu. Pada tahun 1932 MAIK telah mengambil langkah yang positif ke depan dengan menyusun kurikulum pengajian di Masjid Muhammadi secara teratur dan berperingkat. Usaha ini dilakukan kerana pada ketika itu terdapat ramai ulama' Kelantan yang mahir dalam pelbagai bidang ilmu agama yang dapat berkhidmat di Masjid Muhammadi. Dengan penyusunan kurikulum baru itu menjadikan sistem pengajian Islam di Kelantan lebih maju dan mantap sehingga dapat melahirkan ramai tokoh-tokoh ulama' era selepas merdeka.

Antara nama-nama besar yang dikaitkan dengan masjid ini selepas menyusunan kurikulum baru sama ada sebagai tenaga pengajar atau alumninya ialah Tok Kenali (1870-1933), Haji Wan Muhammad Haji Wan Abdul Samad (1864-1920), Haji Wan Musa (1874-1939), Haji Ahmad Manan (1884-1938), Haji Umar Nuruddin (1867-1946), Haji Saad Kangkung (1886-1943), Haji Yaakub Legor (1892-1971), Haji Ismail Puntianak (1876-1946), Haji Abdullah Taher (1897-1961), Haji Ali Solahuddin Awang (1899-1968), Haji Ahmad Maher (1905-1968), Haji Yaacub Gajah Mati (1895-1957), Haji Ismail Yusoff (1915-1988) dan ramai lagi.⁸⁵

Peringkat ketiga perkembangan Masjid Muhammadi ialah bermula pada tahun 1937 apabila MAIK menubuhkan sekolah agama yang diberi nama "Jamie Merbau al-Ismaili" yang kemudiannya ditukar dengan nama "Maahad al-Muhammadi" sempena nama Masjid Muhammadi yang menjadi asas kepada perkembangan pengajian

⁸⁵ Abdul Razak Mahmud (1987), "Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867-1987)", *Pengasuh*, bil. 490, *op.cit*, h. 21.

halaqat (tradisi) di masjid tersebut. Menurut Dato' Yusuff Zaky dalam satu temuramah pada tahun 1987, beliau menyatakan : "...penubuhan Jamie' Merbau al-Isma'ili sebenarnya adalah merupakan suatu penerusan atau kesinambungan kepada sistem pengajian *halaqat* yang berjalan di Masjid Muhammadi selama ini, tetapi dengan beberapa perubahan dalam sesetengah kaedah dan peraturan perjalannya".⁸⁶ Guru-guru dan murid yang sebelum ini mengajar dan belajar di Masjid Muhammadi diserap ke Jamie Merbau.

Setelah pengajian agama secara formal yang dijalankan di Masjid Muhammadi dipindahkan ke Jami'e Merbau maka aktiviti pengajian agama di masjid ini diteruskan juga oleh beberapa tokoh ulama' pada malam-malam tertentu dan pagi Jumaat secara bergilir sehingga ke hari ini. Bentuk pengajian ini dijalankan secara umum disamping ruangan masjid juga dijadikan sebagai tempat para pelajar Jami'e Merbau menghafal dan mengulangkaji pelajaran. Pada awal tahun 70-an, pihak MAIK telah memperkenalkan satu kelas khusus bertujuan menghidupkan kembali budaya ilmu di Masjid Muhammadi dengan dinamakan "Qism al-Tafaqquh fi al-Din" di mana tenaga pengajarnya adalah terdiri dari bekas pelajar lama Masjid Muhammadi dalam era sebelum penubuhan Jamie' Merbau.

ii. Masjid Wadi Husain, Narathiwat, Thailand

Selain dari sejarah Masjid Muhammadi, Pengasuh juga telah menyiarkan sejarah Masjid Wadi Hussain, Narathiwat, Thailand yang ditulis oleh seorang pengkaji sejarah Patani yang menggunakan nama pena sebagai Ahmad Fathi al-Patani dalam kelurannya yang lebih awal dari sejarah Masjid Muhammadi pada bulan April-Mei 1987, bil 486. Keistimewaan masjid ini ialah pada usia dan rekebantuknya yang dikatakan hampir sama dengan masjid tertua yang terdapat di Kelantan

⁸⁶ Ibid, h. 26.

iaitu Masjid Kampung Laut. Dipercayai dari sumber lisan masyarakat setempat dan Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat bahawa masjid ini telah berusia lebih 350 tahun.⁸⁷ Ianya dianggap sebagai masjid tertua yang terdapat di wilayah Narathiwat malah juga di Nusantara. Masjid ini juga dikenali oleh masyarakat setempat dengan nama Masjid Teluk Manak.

Untuk menyokong usia masjid ini yang dikatakan berusia lebih dari 350 tahun, penulis rencana ini cuba mengenyahkan teori dari beberapa sumber sejarah antaranya buku karangan Ibrahim Shukri yang bertajuk “Sejarah Kerajaan Melayu Patani” dan buku “Hikayat Patani”. Dari kedua-dua sumber ini menyatakan bahawa masjid Teluk Manak telah didirikan sekitar 1590-1690. Dengan ini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa usia masjid lebih 350 tahun yang dikatakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat adalah merupakan jalan tengah di antara kedua tarikh tersebut.⁸⁸

Pembinaan masjid ini diasaskan keseluruhananya daripada kayu cengal yang didapati dari hutan berhampiran. Pembinaannya tidak menggunakan gergaji dan paku besi sebaliknya tukang yang membina masjid ini menggunakan sejenis alat yang dinamakan *beliung* untuk menarah kayu bagi membuat dinding dan tiang masjid. Manakala tempat yang diperlukan paku pula akan digunakan kayu sebagai pemasak di samping beberapa batang paku yang ditempa khusus oleh tukang besi pada masa itu. Nama “Wadi Husain” bagi masjid ini diambil sempena nama pengasasnya iaitu Wan Husain Senawi dan digabungkan dengan sebuah caruk (kolam) yang terdapat berhampiran dengan masjid ini.⁸⁹

⁸⁷ Ahmad Fathi al-Patani (1987), “Masjid Wadi Husain, Narathiwat”, *Pengasuh*, Bil. 486, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, April-Mei 1987, h. 38.

⁸⁸ *Ibid*, h.39

⁸⁹ *Ibid*, h.40-41.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Pengasuh sememangnya sebuah majalah yang memperjuangkan sejarah, pemikiran, budaya, agama, dan kesusasteraan Melayu-Islam dalam masyarakat Islam dari dulu hingga ke hari ini. Dari berbagai latar belakang sidang pengarang hingga kepada penulisnya, Pengasuh telah menampung berbagai isu dan aspek perjuangan budaya bangsa untuk diketengahkan. Selain dari aspek sejarah seperti yang telah diketengahkan di atas masih terdapat berbagai aspek perbincangan yang diperkatakan. Dalam kajian yang lain para pembaca akan dapat melihat aspek-aspek lain yang telah diketengahkan oleh Pengasuh untuk santapan umum.